

**Dr Siti Hasmah Anggap Teater Mengenai Diri Beliau Berjaya
Bernama
20 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- "Alhamdulillah, dari apa yang saya lihat, teater ini berjaya. Saya agak terkejut kerana ini kali pertama saya melihat teater.

"Saya dengar komen dari orang yang telah melihatnya. Mereka beritahu saya ia baik, terdapat sesetengah babak yang buat kita ketawa dan juga sesetengah babak yang membuat kita boleh mengalir air mata," demikian komen Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali apabila diminta mengulas teater mengenai diri beliau 'Tribute Teater Tun Siti Hasmah' yang disaksikannya bersama Tun Dr Mahathir Mohamad malam Isnin.

Persembahan terakhir malam tadi menyaksikan Istana Budaya padat dengan penonton. Teater tersebut diterbitkan World Islamic Networks Televisions Sdn Bhd.

Mengenai ura-ura penerbitnya untuk membawa teater itu ke layar perak, Dr Siti Hasmah menyarankan agar butiran terperinci dan peristiwa sebenar perlu dimasukkan.

"Teater dan filem adalah dua perkara berbeza, tetapi jalan ceritanya (filem) adalah untuk penonton," kata beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=710087>